

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 01/09/2007

Malaysia negara contoh

KUALA LUMPUR 31 Ogos - Malaysia muncul sebagai negara contoh yang wajar diikuti oleh negara-negara lain dunia ketiga, kata Duta Besar Senegal Abdel Kader Pierre Fall hari ini.

Katanya, Malaysia berjaya mara ke depan sebagai negara paling cepat membangun sekalipun menghadapi persaingan hebat dalam pelbagai aspek dari negara-negara Barat.

"Ini perayaan yang amat gemilang. Saya cukup tertarik... dan Malaysia telah mencapai banyak kejayaan. Dari segi pembangunan ekonomi, ia menunjukkan kepada kami contoh yang cukup menjanjikan dan saya gembira melihat Malaysia telah membina hubungan yang amat baik dengan negara-negara Afrika," katanya kepada pemberita selepas menghadiri upacara sambutan ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara di Dataran Merdeka di sini.

Kuasa Usaha Romania di Malaysia, Viorel Mosanu berkata, Malaysia telah memainkan peranan amat penting dalam ASEAN.

umf 1/9/2007

"Dari suara kecil, Malaysia berkembang menjadi satu kuasa yang begitu diiktiraf dalam mengemukakan isu-isu ASEAN. Bukan saja itu, pendirian Malaysia dalam banyak peristiwa dunia membolehkannya mendapat banyak perhatian daripada kuasa-kuasa besar," ujar beliau.

Menarik

Sementara itu, pemenang hadiah Nobel 2001 dari Columbia University, Joseph E Stiglitz berkata, perayaan itu cukup menarik.

"Sungguh seronok dan indah melihat semua peserta daripada semua lapisan masyarakat bersatu di bawah matlamat tunggal, iaitu menampilkan persembahan penuh warna-warni.

"Malaysia membuktikan bahawa tidak mustahil untuk rakyat daripada latar belakang kaum yang berbeza hidup dalam aman dan harmoni. Tidak banyak negara boleh melakukan ini," kata beliau.

- Bernama